

Usaha perangi dadah perlu kerjasama semua pihak

18 Disember 2017

Usaha perangi dadah perlu kerjasama semua pihak

Kuala Lumpur: Usaha membasmi gejala penyalahgunaan dadah di Malaysia masih tidak berjaya, walaupun pelbagai perkara sudah dilakukan dan banyak peruntukan dibelanjakan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, salah satu faktor kegagalan kerana masalah berkenaan diletakkan pada bahu kerajaan semata-mata, sedangkan usaha perlu dilakukan secara bersama oleh pelbagai pihak, termasuk keluarga dan masyarakat.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan tidak berputus asa dan tetap komited menangani permasalahan serta jenayah berkaitan dadah.

“Usaha memerangi jenayah berkaitan dadah bukan terletak pada kerajaan sahaja, tetapi menuntut komitmen seluruh pihak, agensi penguatkuasaan dan masyarakat,” katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Tahunan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau mengumumkan peruntukan tahunan sebanyak RM10 juta kepada PEMADAM dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan, bagi meneruskan usaha memerangi gejala penyalahgunaan dadah.

Katanya, peruntukan itu akan disalurkan menerusi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum diagihkan kepada NGO berkenaan mulai tahun hadapan.

“Semoga peruntukan RM10 juta ini akan dapat digunakan sepenuhnya.

Sasar penurunan 50 peratus

“Saya mahu lihat penurunan 50 peratus kes penagihan dadah pada tahun hadapan,” katanya.

Ahmad Zahid turut menegaskan Malaysia tetap dengan pendirian menolak cadangan untuk menghalalkan dadah walaupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PPB) meluluskan resolusi ‘menghalalkan’ penggunaan beberapa jenis dadah.

Sementara itu, Yang Dipertua PEMADAM, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata persatuan itu memerlukan pendekatan baharu bagi menangani isu penyalahgunaan dadah.



Usaha memerangi dadah bukan terletak pada kerajaan sahaja, tetapi menuntut komitmen seluruh pihak, agensi penguatkuasaan dan masyarakat”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri